



Selangor...

Mempersembahkan Bandar Pintar Pertama PKNS  
*Introducing PKNS' First Smart City*

## SELANGOR CYBER VALLEY (SCV)

PKNS buat julung kalinya melancarkan bandar pintar pertama, Selangor Cyber Valley (SCV) berkeluasan 1229.03 ekar yang terletak berhampiran Cyberjaya. Projek ini merupakan perintis kepada konsep bandar pintar yang lengkap dengan segala kemudahan merangkumi kediaman, taman industri, pusat komersial dan institusi pendidikan, dilengkapi saluran rangkaian kabel gentian optik berkelajuan tinggi selain peranti pengesanan alam sekitar bagi tujuan indikasi kualiti udara serta kemudahan awam.

SCV dijangka siap sepenuhnya menjelang 2027 dan bakal menerapkan lapan elemen bandar pintar iaitu Bandar Selamat, Bandar Mesra Perniagaan, Bandar Efisyen, Bandar Pendidikan, Bandar Hijau, Bandar Inovasi, Bandar Komuniti Pintar Dan Premis Pintar. SVC dijangka akan menjadi tarikan bagi peluang pelaburan dan perniagaan setaraf bandar-bandar di sekitarnya dan sekaligus bakal mengukuhkan ekonomi negeri Selangor.

## SELANGOR CYBER VALLEY (SCV)

*PKNS has launched Selangor Cyber Valley (SCV), the first smart city concept, of 1229.03 acres, which is located near Cyberjaya. The pioneer smart city comprehensive project, covers residential, industrial park, commercial centers and educational institution, uniquely equipped with facilities of high speed fiber optic cable network as well as environmental detection device for the purpose of indicating air quality and public amenities.*

*SCV is expected to be fully completed by 2027 and will be incorporating eight smart city elements of Safe City, Business Friendly City, Efficient City, Education City, Green City, Urban Innovation, Smart Community City and Smart Premise. Being at par with its surrounding cities, SVC is expected to be an urban attraction for investment and business opportunities, which would further boost Selangor's economy.*



## **KANDUNGAN** **CONTENT**

### **Latar Belakang**

*Background*

- 04 Penubuhan PKNS**  
*About PKNS*
- 05 Aktiviti**  
*Activities*
- 06 Objektif**  
*Objective*
- 07 Falsafah Korporat**  
*Corporate Philosophy*
- 08 Visi dan Misi**  
*Vision and Mission*
- 09 Nilai Bersama**  
*Shared Values*

### **Maklumat Korporat**

*Corporate Information*

- 12 Ahli Perbadanan**  
*Board Members*
- 14 Jawatankuasa Peringkat Perbadanan**  
*Board Committee*
- 16 Ahli Pengurusan**  
*Management Team*
- 18 Struktur Korporat Kumpulan**  
*Group Corporate Structure*
- 20 Carta Organisasi**  
*Organisation Chart*
- 22 Pencapaian & Anugerah**  
*Achievements & Awards*

### **Laporan Prestasi**

*Performance Report*

- 26 Perutusan Pengerusi**  
*Chairman's Statement*
- 30 Laporan Ketua Pegawai Eksekutif**  
*Chief Executive Officer's Review*
- 34 Sistem Skor Prestasi PKNS dan Anak Syarikat**  
*Performance Scoring System of PKNS and Subsidiaries*
- 35 Pusat Pertumbuhan Baharu**  
*New Growth Centres*
- 39 Pembangunan Hartanah**  
*Property Development*
- 43 Kawasan Perindustrian**  
*Industrial Areas*
- 44 Pelaburan**  
*Investment*
- 45 Prestasi Kewangan**  
*Financial Performance*
- 47 Pembangunan Usahawan**  
*Entrepreneur Development*
- 50 Inisiatif Program Integriti**  
*The Initiative of Integrity Programmes*

### **Tanggungjawab Sosial Korporat**

*Corporate Social Responsibility*

- 54 Program Tanggungjawab Sosial Korporat**  
*Corporate Social Responsibility Programme*
- 58 Pembangunan Modal Insan**  
*Human Capital Development*
- 62 Aktiviti Kelab Dan Persatuan**  
*Club And Association Activities*

### **Diari Korporat**

*Corporate Diary*

- 66 Diari Korporat**  
*Corporate Diary*

### **Direktori**

*Directory*

- 72 Anak Syarikat**  
*Subsidiary Companies*
- 74 Syarikat Bersekutu**  
*Associate Companies*

### **Penyata Kewangan**

*Financial Statements*

- 78 Penyata Kewangan**  
*Financial Statements*



# LATAR BELAKANG

*Background*



# Penubuhan PKNS

## *About PKNS*

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor atau lebih dikenali sebagai PKNS telah ditubuhkan pada 1 Ogos 1964 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964, sebagai sebuah badan berkanun dan agensi pembangunan peringkat negeri.

Penubuhannya bertujuan untuk mengisi kemerdekaan negara menerusi pengagihan ekonomi yang adil dan pertumbuhan sosio-ekonomi yang berpandukan kepada dasar-dasar kerajaan agar dapat mewujudkan kestabilan, keharmonian dan keadilan sosial khususnya di Negeri Selangor.

PKNS berusaha untuk membawa kemajuan dan kemakmuran yang berterusan di Negeri Selangor dengan menjana dan menyatukan idea dan aktiviti untuk kepentingan rakyat yang secara tidak langsung dapat menyatupadukan masyarakat Malaysia. Semua ini dapat digambarkan melalui slogan "Kemajuan untuk Rakyat" yang menjadi amalan yang dihargai oleh seluruh keluarga PKNS.

*Selangor State Development Corporation or commonly known as PKNS was established on August 1, 1964, under the Selangor State Development Corporation Enactment (1964) as a statutory body and development agency for the state of Selangor.*

*Guided by government policies, its establishment was intended to uphold the country's independence through fair economic distribution and socio-economic growth with the aim of creating stability, harmony and social justice, throughout the state of Selangor.*

*PKNS strives to bring about continuous progress and prosperity in the State of Selangor by generating and consolidating ideas and activities for the benefit of the people besides contributing towards the creation of a united Malaysian society. All this is manifested in the slogan of "Progress for the People" which is always put into practice, appreciated and observed by the entire PKNS family.*





Pusat Pertumbuhan Baru  
*New Growth Centres*



Pembangunan Kawasan Perumahan  
*Development of Residential Areas*



Pembangunan Kawasan Perindustrian  
*Development of Industrial Areas*



Penempatan Semula Setinggan  
*Resettlement of Squatters*



Kedai, Kompleks Perniagaan/Pejabat  
*Shops, Business Complexes/ Offices*



Agen Pelaksana Projek-Projek Kerajaan Negeri  
*Implementation Agent of Government State Projects*



Pelaburan  
*Investment*



Pengurusan Harta  
*Property Management*



Hospitaliti  
*Hospitality*



Pengurusan Alam Sekitar  
*Environmental Management*



Perdagangan  
*Trading*



Pembinaan  
*Construction*



Perubatan dan Kesihatan  
*Medical and Healthcare*



Tenaga dan Telekomunikasi  
*Power and Telecommunication*



Menubuhkan Masyarakat Perdagangan & Perindustrian Bumiputera (MPPB)  
*To established the Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC)*



# Objektif

## Objective



Menggalak, memaju dan membangunkan pusat pertumbuhan baru, kawasan kediaman, zon perindustrian, perdagangan dan menjalankan aktiviti-aktiviti seumpamanya serta aktiviti lain yang dibenarkan.

*To promote, develop and establish residential, industrial and commercial areas, as well as new growth centres, agriculture and to carry out similar and other permitted activities.*



Melaksana semua dasar kerajaan yang melibatkan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

*To implement government policies which involve poverty eradication and social restructuring.*



Meneroka dan menyertai bidang-bidang pelaburan dan perdagangan untuk mewujudkan penyertaan ekuiti dan pengurusan Bumiputera yang berkesan dalam perindustrian dan perdagangan.

*To explore and participate in investment and trade sectors in order to establish equity participation and effective management of the Bumiputera in trade and industry.*



Menyedia landasan ke arah mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional.

*To provide the platform for the creation of Bumiputera Commercial and Industrial Community (BCIC) in line with the National Development Policy.*



Menjalankan sebahagian atau keseluruhan tugas atau kuasa-kuasa tempatan di kawasan-kawasan yang dibenarkan.

*To execute part of or the entire task or power of the local authorities in permitted areas.*







## Falsafah Korporat

### *Corporate Philosophy*

PKNS sentiasa menggalak dan mengamalkan nilai-nilai murni, tradisi keilmuan, penguasaan teknologi seiring dengan usaha untuk terus meningkatkan pegangan harta yang teguh, berpandangan jauh serta menggalakkan inovasi di samping terus menerajui dan meneroka pembangunan yang mewujudkan peluang-peluang untuk memenuhi keperluan rakyat dan aspirasi Negara.

*PKNS constantly encourages and upholds values together with the effort to embrace knowledge and technology as it aims to enlarge holdings of assets, while remaining visionary and innovative for PKNS to continue to spearhead developments that create fulfilling opportunities for the people and the nation.*



## Visi

*Vision*

Membina Komuniti,  
Memperkasa Kehidupan...  
Merealisasikan Impian.

*Building Communities,  
Enriching Lives...  
Realising Dreams.*



## Misi

*Mission*

Untuk membentuk persekitaran kehidupan  
yang vibran dan lestari melalui:

- Inovasi berterusan
- Perkhidmatan melangkaui ekspektasi
- Modal insan yang komited dan kompeten


*To create a vibrant and sustainable living  
environment through:*

- *Continuous improvement*
- *Service beyond expectation*
- *Committed and competent human capital*

# Nilai Bersama


Shared Values





# MAKLUMAT KORPORAT

*Corporate Information*





## Ahli Perbadanan

### Board Members

01 Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali  
S.P.M.S., S.M.S.  
Pengerusi / Chairman

Menteri Besar Selangor  
Selangor Chief Minister

02 Y.B. Dato' Mohd. Amin bin Ahmad Ahya  
D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Selangor State Secretary

03 Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman  
D.P.M.S., S.I.S.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor  
Selangor State Financial Officer

04 Y.B. Dato' Teng Chang Khim  
D.P.M.S.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan,  
Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil  
dan Sederhana (IKS) dan Pengangkutan  
Chairman of the Standing Committee for  
Investment, Industry & Commerce, SMEs and  
Transportation

05 Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir  
D.P.S.M.

Pengarah Pejabat Belanjawan Negara  
Director of the National Budget Office

06 Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud  
D.S.I.S., D.I.M.P., K.M.N.

Mantan Akauntan Negara  
Former Accountant of Malaysia



07 Y.Bhg. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz  
D.P.M.S., K.M.N.

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor  
Director of Selangor Public Works  
Mulai 7 Ogos 2017  
Starting 7 August 2017

08 Y.Bhg. Tuan Haji Mas Abdul Rahman  
bin Mas Mohamed  
P.M.P., B.C.K.

Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor  
Director of Selangor Public Works  
Bersara pada 19 April 2017  
Retired on 19 April 2017

09 Y.B. Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre  
bin Mohd. Akin

Peguam Bela dan Peguam Cara  
Advocate and Solicitor

10 Y.Bhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad  
P.S.K., D.P.S.K., S.M.W.

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
(Pengurusan)  
Deputy Secretary of General Treasury  
(Management)

11 Y.B. Dato' Iskandar bin Abdul Samad  
D.P.M.S.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan,  
Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar  
Chairman of the Standing Committee for Housing,  
Building Management and Urban Living

12 Y.Brs. Dr Maziah binti Che Yusoff

Pengarah Seksyen Pembangunan Modal Insan  
Director of Human Capital Development Division  
Mulai 21 Februari 2017  
Starting 21 February 2017

13 Y.Bhg. Datuk Razali bin Che Mat  
D.M.S.M., J.S.M.

Pengarah Seksyen Pembangunan Wilayah  
Director of Regional Development Division  
Sehingga 7 Januari 2017  
Until 7 January 2017

# Jawatankuasa Peringkat Perbadanan

*Board Committee*



**A. JAWATANKUASA PERJAWATAN KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN A & B / TOP MANAGEMENT GROUP COMMITTEE AND A & B GROUP**

- Y.B. Dato' Mohd. Amin bin Ahmad Ahya
- Y.B. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
- Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir

**B. LEMBAGA TATATERTIB KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN A & B / TOP GOVERNING GROUP MANAGEMENT TEAM AND A & B GROUP**

- Y.B. Dato' Mohd. Amin bin Ahmad Ahya
- Y.B. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman
- Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir

**C. JAWATANKUASA TENDER / TENDER COMMITTEE**

- Y.B. Dato' Mohd. Amin bin Ahmad Ahya
- Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
- Y.Bhg. Tuan Haji Mas Abdul Rahman bin Mas Mohamed (Sehingga 19 April 2017 / Until 19 April 2017)
- Y.Bhg. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Mulai 7 Ogos 2017 / Starting 7 August 2017)
- Y.Bhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad

**D. JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PELABURAN / FINANCE AND INVESTMENT COMMITTEE**

- Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
- Y.Bhg. Dato' Nor Azmie bin Diron
- Y.Bhg. Datuk Seri Hashmuddin bin Mohammad
- Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd. Zahir

**E. JAWATANKUASA KEUTUHAN TADBIR URUS & INTEGRITI / SOUND GOVERNANCE AND INTEGRITY COMMITTEE**

- Y.Bhg. Dato' Mazalan bin Md. Noor
- Y.Bhg. Tuan Haji Mas Abdul Rahman bin Mas Mohamed (Sehingga 19 April 2017 / Until 19 April 2017)
- Y.Bhg. Datuk Ir. Ruslan bin Abdul Aziz (Mulai 7 Ogos 2017 / Starting 7 August 2017)
- Y.Bhg. Datuk Razali bin Che Mat (Sehingga 7 Januari 2017 / Until 7 January 2017)
- Y.Brs. Dr. Maziah binti Che Yusoff (Mulai 21 Februari 2017 / Starting 21 February 2017)
- Dr. Loi Kheng Min (Sehingga 25 Mac 2017 / Until 25 March 2017)
- Y.Bhg. Dato' Akhbar bin Satar (Mulai 17 Julai 2017 / Starting 17 July 2017)
- Y.Bhg. Dato' Hajah Sutinah binti Sutan

**F. JAWATANKUASA AUDIT / AUDIT COMMITTEE**

- Y.B. Dato' Iskandar bin Abdul Samad
- Y.Bhg. Datuk Zalekha binti Hassan
- Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh bin Mahmud
- Y.Bhg. Dato' Mustafa bin Haji Saman

**G. JAWATANKUASA PENCALONAN DAN REMUNERASI / NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE**

- Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
- Y.Bhg. Dato' Mohd. Salleh Bin Mahmud
- Y.Bhg. Datuk Razali bin Che Mat (Sehingga 7 Januari 2017 / Until 7 January 2017)
- Y.Brs. Dr. Maziah binti Che Yusoff (Mulai 21 Februari 2017 / Starting 21 February 2017)





# Ahli Pengurusan

## Management Team

Azmi bin Adnan  
S.M.S., P.P.T.

Pengurus Besar Pembangunan  
Wilayah Tengah  
*General Manager of Central Region  
Development*

Hajah Nor Azlina binti Amran  
A.I.S.

Ketua Pegawai Kewangan  
*Chief Financial Officer*



Ir. Haji Mohd. Muhidin bin Faharuddin  
P.P.T.

Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Utara  
*General Manager of Northern Region  
Development*

Y.Bhg. Datin Paduka Dr. Hajah Noraida  
binti Haji Mohd. Yusof  
D.P.M.S., A.M.S., P.P.T., F.P.M.A.

Ketua Pegawai Eksekutif  
*Chief Executive Officer*

Ir. Haji Mohamad Sharif  
bin Mok Som  
A.I.S., P.P.T.

Ketua Pegawai Teknikal  
*Chief Technical Officer*

Hajah Norita binti Mohd. Sidek  
S.M.S., A.M.N., P.P.T.

Ketua Pegawai Operasi  
*Chief Operating Officer*

Hajah Siti Zubaidah  
binti Haji Abd. Jabar  
P.P.T.

Ketua Pegawai Korporat  
*Chief Corporate Officer*



Hajah Roziah binti Haji Ahmad  
S.I.S., P.P.T.


Pengurus Besar Perhubungan  
Korporat  
*General Manager of Corporate  
Relations*


Haji Lokman bin Haji Abd. Kadir  
S.M.S., P.P.T.

Pengurus Besar Pembangunan  
Wilayah Selatan  
*General Manager of Southern  
Region Development*

# Struktur Korporat Kumpulan


## Group Corporate Structure






# Carta Organisasi

## Organisation Structure





# Pencapaian & Anugerah

Achievements & Awards



21 Mac 2017

starproperty.my  
*The Best Touch & Feel*

Kategori / Category:  
*Premium Bungalow  
"AMBER Subang Bestari"*

Penerima / Recipient:  
Worldwide Hodings Berhad

3 April 2017

theedgeproperty.com  
*"Special Mention" – Best  
Managed Property Awards*

Kategori / Category:  
*Commercial Project Award  
"Menara PKNS, Petaling Jaya"*

Penerima / Recipient:  
PKNS Real Estate Sdn. Bhd.



5 Mei 2017

Property Insight  
*Prestigious Developer  
Award*

Kategori / Category:  
*Best GBI Rated  
Corporate Office  
"Bangunan Ibu Pejabat  
PKNS"*

Penerima / Recipient:  
PKNS

12 Mei 2017

Pertubuhan Arkitek Malaysia  
*Anugerah Gold Awards 2017  
Gold Awards of 2017*

Kategori / Category:  
*Commercial Low Rise*

Penerima / Recipient:  
PKNS







**7 Ogos 2017**

Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor  
*The Administration of Selangor State Government*

Sijil 5 Bintang KPI HRMIS Tahun 2016 atas pencapaian 100% KPI HRMIS  
*2016 Star Certificate of KPI HRMIS for 100% Achievement on KPI HRMIS*

*Penerima / Recipient:*  
PKNS



**11 September 2017**

*The Cityscape Award for Emerging Market*

*Commercial Project Award & Sustainability Project Award*  
"Bangunan Ibu Pejabat PKNS"

*Penerima / Recipient:*  
PKNS

**22 November 2017**

Majlis Bandaraya Shah Alam  
*Pertandingan Anugerah Rendah Karbon*  
*Award of Competition of Low Carbon Emission*

*Kategori / Category:*  
Johan Anugerah Inovasi Rendah Karbon (Kerajaan)  
*Championship Award for the Innovation of Low Carbon Emission (Government)*  
&  
Johan Anugerah Bangunan Rendah Karbon (Bangunan Kerajaan)  
*Championship Award for the Building of Low Carbon Emission (Government Building)*  
"Bangunan Ibu Pejabat PKNS"

*Penerima / Recipient:*  
PKNS



**12 Disember 2017**

*Malaysia International Business Awards 2017*

*Kategori / Category:*  
*Excellence in Banquet Services*  
&  
*Excellence in Meetings, Incentives, Conventions & Exhibitions (M.I.C.E)*

*Penerima / Recipient:*  
SACC Convec Sdn. Bhd.

24

**PKNS**

|      |   |
|------|---|
| 3014 | 3 |
| 3013 | 3 |
| 4002 | 6 |
| 3012 | 3 |

van sebentar laqi.





**LAPORAN PRESTASI**  
*Performance Report*

# Perutusan Pengerusi

## Chairman's Statement

Alhamdulillah, setinggi syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana atas rahmat dan keagunganNya, Selangor terus dilimpahi keberkatan nikmat dan kesejahteraan rakyat. Tahun 2017 penuh dengan cabaran getir yang terpaksa diharungi atas faktor ekonomi Malaysia yang tidak begitu memberangsangkan daripada pelbagai industri pasaran negara.

Namun begitu, ia bukan penghalang untuk Selangor terus memacu kemajuan pembangunan hasil negeri. Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah merangka strategi-strategi dengan teliti dan komprehensif bagi mengekalkan Selangor sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan membawa pelbagai bentuk pelaburan dan pembangunan di dalam negeri.

### SELANGOR CYBER VALLEY TUNJANG GAGASAN SMART SELANGOR

2017 merupakan tahun 'Ekonomi Internet Malaysia' yang mana kita sedang bersedia untuk mendepani Revolusi Industri 4.0 yang semakin pesat menghampiri industri dalam negara. Lantaran itu, saya bersama rakan-rakan pentadbiran Kerajaan Negeri mencetuskan idea untuk mewujudkan Gagasan Smart State selari dengan prestasi Selangor sebagai negeri yang termaju di Malaysia.

PKNS selaku pemangkin pembangunan negeri mengambil langkah yang proaktif bagi mempersiapkan Selangor untuk menjadi negeri pertama yang akan menyahut cabaran revolusi industri ini bila mana Pusat Pertumbuhan Baharu, Selangor Cyber Valley (SCV) bakal dibangunkan nanti. Pembangunan Bandar Pintar ini bakal menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik.

Kelengkapan sambungan jalur lebar dengan perincian *optic fiber* merentasi SCV akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi kegunaan pengurusan, kediaman, pekerjaan,

komunikasi, pengangkutan, keselamatan dan sebagainya, sekaligus bakal merealisasikan konsep *Internet of Things* (IoT) yang menjadi aspirasi Kerajaan Negeri Selangor.

Usaha PKNS dalam membangunkan SCV sebagai perintis kepada sebuah *Smart City* harus diberikan pujian dan menjadi model ikutan kepada pemaju-pemaju lain untuk memperluaskan lagi konsep *Smart City* ini merentasi ke seluruh pelusuk Negeri Selangor.

### PRESTASI BAJET DAN LAPORAN KEWANGAN

Sebagai negeri maju serta mempunyai pelbagai industri, pengurusan kewangan yang diamalkan di Selangor adalah menyeluruh, 100% telus, kompeten dan berintegriti. Kerajaan Negeri tidak hanya menumpukan pembangunan di dalam kawasan bandar sahaja. Malah, dengan bantuan jentera PKNS, kita turut memberikan keseimbangan pembangunan di luar kawasan bandar.

Dengan semangat pengurusan kewangan berteraskan konsep "fastabiqul khoiroh", segala kekayaan hasil negeri digunakan sepenuhnya untuk pembangunan negeri bukan sahaja dari aspek fizikal, malah merangkumi peningkatan taraf hidup rakyat, sumber tenaga dan komuniti sosial untuk manfaat semua lapisan masyarakat di Selangor.

Kerajaan Negeri Selangor terus kekal menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dengan 23.0% daripada

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2017 berbanding 22.7% pada tahun 2016. Selain itu, Selangor turut menjadi salah satu daripada tujuh negeri di Malaysia yang mencatatkan pertumbuhan melebihi paras nasional dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.1% yang banyak disumbang melalui prestasi cemerlang dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian.


Selangor juga telah berjaya mencapai kedudukan lima negeri terbaik yang merekodkan KDNK per kapita melebihi paras nasional dan mencatatkan peningkatan pendapatan kepada RM48,091.00 berbanding RM42,611.00 pada tahun sebelumnya.

Rekod pertumbuhan ekonomi negeri yang utuh ini perlu dikekalkan bagi terus membangun Selangor yang menempatkan bilangan penduduk tertinggi sepanjang tahun 2017 iaitu seramai 6.38 juta penduduk bersamaan dengan 19.9% daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia. Maka, Selangor perlu terus meneroka pasaran-pasaran baru dengan merancakkan lagi pertumbuhan pelbagai industri bagi memenuhi keperluan tenaga buruh di negeri ini yang mempunyai bilangan penduduk bekerja tertinggi iaitu seramai 3.4 juta orang.

### KEMAJUAN SELANGOR TUMPUAN PELABUR ASING

Keunikan ekosistem ekonomi di Selangor terus menjadikan negeri ini sebagai destinasi pelaburan yang interaktif di rantau ini meskipun dalam keadaan ekonomi dunia yang mencabar. Dasar mesra pasaran yang dipraktikkan di Selangor telah meningkatkan pelaburan domestik dan luar negara.

Sepanjang tahun 2017, Selangor telah berjaya menarik RM5.59 bilion pelaburan langsung dalam sektor



Selangor muncul pada kedudukan tertinggi di Malaysia menerusi jumlah perkilangan diluluskan iaitu 202 projek berbanding negeri lain, sekaligus mencipta lebih 10,000 peluang pekerjaan.

*Selangor has emerged as the highest number of approved manufacturing projects, around 202 projects compared to other states, thus creating more than 10,000 jobs.*

perkilangan dan sektor perkhidmatan, terutamanya dari peruncit perabot terbesar di dunia, IKEA dengan penubuhan sebuah pusat rantai bekalan di Pulau Indah bernilai RM908 juta.

Selangor turut muncul pada kedudukan tertinggi di Malaysia menerusi jumlah perkilangan diluluskan iaitu 202 projek berbanding negeri lain, sekaligus mencipta lebih 10,000 peluang pekerjaan. Kecekapan dalam pentadbiran negeri menjadi antara faktor utama yang berjaya menarik para pelabur asing ke Selangor terutamanya dari negara Jepun dengan sumbangan pelaburan tertinggi sebanyak 13 projek. Diikuti Singapura sebanyak 18 projek dan China dengan lima projek.

Justeru, PKNS serta Kumpulan Anak Syarikat perlu keluar dari zon selesa dan mula mengorak langkah ke arah pasaran global dengan mengambil peluang meneroka arena pasaran yang lebih luas. Usahasama di antara PKNS dan Kumpulan Anak Syarikat bersama syarikat-syarikat dari negara-negara yang banyak melabur di negeri ini perlu dicambah bagi meletakkan PKNS sebagai entiti pembangunan terulung di Malaysia.

### **MENGANGKAT MARTABAT WANITA SEBAGAI PEMIMPIN**

Kerajaan Negeri Selangor yang tuntas mengambil berat terhadap semua lapisan rakyat tidak pernah bersikap radikal atau stereotaip terhadap mana-mana golongan. Atas kepercayaan terhadap frasa “tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia”, maka Kerajaan Negeri sentiasa meraikan dan memandangi tinggi bakat-bakat kepimpinan oleh kaum hawa di negeri ini.

Saya berbangga bila mana PKNS telah mengangkat martabat wanita dengan melantik Y.Bhg. Datin Paduka Dr. Hajah Noraida binti Haji Mohd Yusof sebagai wanita pertama memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS. Pelantikan ini juga merupakan cerminan komitmen Kerajaan Negeri yang meletakkan ketelusan dan integriti di dalam

tadbir urus sebagai tunjang utama. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja PKNS atas pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif ini.

### **HARAPAN DAN PENGHARGAAN**

PKNS sememangnya sudah mampu berdiri teguh mendahului Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang lain. Dalam usia 53 tahun, PKNS sudah mempunyai pengetahuan dan pengalaman terbuka yang cukup tebal bagi mengukuhkan kedudukannya. Namun, usia emas yang diraih bukanlah bermakna kita boleh mendabik dada.

Besar harapan saya agar PKNS dapat terus mengekalkan legasi kecemerlangan dan dapat mendaki ke puncak kejayaan yang lebih tinggi dari yang telah dicapai pada hari ini. Kerjasama dan komitmen penuh daripada setiap anggota perlu dikerah untuk memastikan PKNS terus menjadi PKEN terunggul di Malaysia.

Pastinya segala pengalaman diperoleh dan kejayaan yang diraih adalah berkat sumbangan dari setiap anggota yang menumpahkan taat setia terhadap kemajuan PKNS. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas buat barisan Ahli Pengurusan, Ketua Bahagian, Pegawai Kanan serta seluruh warga kerja PKNS atas pengorbanan, perit jerih yang dicurahkan demi kecemerlangan PKNS. Semoga PKNS akan maju dan terus maju serta dapat mengangkat misi dan visi organisasi berlandaskan kepada objektif asalnya.

*Alhamdulillah, I am very grateful to Allah SWT, the Almighty for the enormous blessings, as Selangor continues to be bestowed with countless blessings including in the form of the people's well-being. The year of 2017, has proven to be another year of economic challenges, which inevitably had impacted various industries of the domestic market, but, thankfully it was journeyed through with much resilience and persistence.*

*However, this drawback did not deter Selangor from continuing to*

*stimulate the development of the state revenue. The administration of the Selangor State Government had crafted detailed and comprehensive strategies, by implementing various forms of investment and development mechanisms in the country, for Selangor to remain as the major contributor of Malaysia's economic growth.*

### **SELANGOR CYBER VALLEY, THE PIONEER OF “SMART SELANGOR” CONCEPT**

*Since 2017 is the year of the ‘Internet Economy of Malaysia’, we are preparing ourselves to embrace the rapidly rising of the Industrial Revolution 4.0 in the country. That is why we, the personnel of the State Government and I, devised this idea of Smart State, which we find to be very much in tandem with Selangor's excellent performance, being the most well-developed state.*

*Being the catalyst for the state development, PKNS has taken proactive measures in preparing Selangor to become the first state that would accept the challenge of this industrial revolution, when the New Growth Center, Selangor Cyber Valley (SCV) would be further developed. This Smart Urban Development will generate an encouraging economic, social and developmental growth towards a more holistic digitisation. As the State of Selangor aspires to realise the concept of Internet of Things (IoT) across the state, SCV is well equipped with broadband connectivity, that runs solely on fibre optic, for the utilisation of the management, home, employment, communication, transportation, security and others.*

*PKNS' efforts in developing SCV as a pioneer of the Smart City should be highly commended, as this Smart City concept, serves as a significant precedent for other developers to emulate, across the state of Selangor.*

### **BUDGET REPORT AND FINANCIAL PERFORMANCE**

*Being the most developed state with diversified industries, Selangor undertakes comprehensive financial*

management, which is 100% transparent, competent and with integrity. The State Government does not only focus on urban development alone. Supported by PKNS' effective mechanism, the State ensures that development is evenly distributed between the urban and rural areas.

The state-owned wealth, is being managed based on the concept of "fastabiqul khoiro", and is channeled for the utilisation of the state's development, not only from the physical aspects, but also in the aspects of enhancing people's living standards, energy sources and social communities, for the betterment of Selangor's society, as a whole.

The Selangor State Government remained as the main economic driver, as Selangor had contributed 23.0% of Gross Domestic Product (GDP) to Malaysia's economic growth in 2017, as compared with 22.7% in 2016. In addition, Selangor has also become one of the seven states in Malaysia which has recorded an accelerated growth of 7.1% in the services, manufacturing and agriculture sectors which drove the commendable performance of the State.

Being amongst the top five states, which had contributed strong growth to the national Growth Domestic Product (GDP), Selangor had recorded an increase in the revenue of RM48,091.00, as compared to RM42,611.00 the previous year, exceeding its per capita GDP of the national level.

This robust performance in the economic growth should be consistently maintained in order for Selangor to be further developed, as Selangor has also recorded the highest number of population of 6.38 million people, equivalent to 19.9% of the total population of Malaysia, throughout the year 2017. Thus, this record of high population, has propelled Selangor to continue exploring new markets by boosting the growth of various industries, to meet the needs of the State's highest employed population of 3.4 million people.

#### **FOREIGN INVESTORS FOCUSING ON FLOURISHING SELANGOR**

Given the uniqueness of the economic ecosystem, Selangor continues to make the state an interactive investment destination in the region, despite the challenging world economy. Market-friendly policies, practised by Selangor, have resulted in the increased of both domestic and foreign investments.

Throughout 2017, Selangor has attracted RM5.59 billion of direct investments in the manufacturing and services sectors, particularly from the world's largest furniture retailer IKEA, with an establishment of a regional supply chain center at Pulau Indah, which is worth RM908 million.

In terms of the number of approved investments, Selangor has emerged as the highest number of approved manufacturing projects, around 202 projects compared to other states, thus creating more than 10,000 jobs. The efficiency in the State's administration has been one of the crucial factors that attracted foreign investors to Selangor, especially, with Japan remaining as the State's largest foreign investor, contributing a total of 13 projects. This is followed by Singapore with 18 projects and China with five projects.

Hence, PKNS and its Group of Subsidiaries need to explore beyond the comfort zone and broaden our horizons in the global marketplace. The joint venture between PKNS and its Group of Subsidiaries, along with other investing companies from other countries, should significantly grow together, so that PKNS can be positioned as the premier development entity in Malaysia.

#### **ELEVATING THE DIGNITY OF WOMEN AS LEADERS**

The Selangor State Government, has never been radical, stereotypical or bias towards any genders. We strongly believe in the phrase of, "the hand that rocks the cradle, is the hand that rules the world", which means that women do have the capacity to rule the world. The women can also be the movers and the shakers of industries. The State Government

appreciates and looks highly upon the leadership qualities of women in the state.

I am also proud to note PKNS' recognition of the women's contributions in this establishment, whereby Y.Bhg. Datin Paduka Dr. Hajah Noraida binti Haji Mohd Yusof was evidently appointed as the first woman to occupy the post of Chief Executive Officer of PKNS, inevitably raising the status and dignity of women. The appointment is also a reflection of the State Government's commitment which places transparency and integrity as the fundamental basis of governance. Congratulations to all PKNS' personnel for the appointment of the new Chief Executive Officer.

#### **EXPECTATIONS AND RECOGNITIONS**

PKNS has sufficiently gained knowledge and experience of 53 years, sufficient enough, to earn and strengthen its position, to stand firmly ahead of the other State Economic Development Corporation (PKEN). However, we should not rest on our laurels and feel too complacent with PKNS' current achievement.

I truly hope that PKNS will continue to maintain its legacy of excellence and can climb to a higher point on the ladder of success to be better than what has been achieved today. Everyone in PKNS should display a steadfast cooperation and commitment to ensure that PKNS continues to be the ultimate corporation of PKEN in Malaysia.

Owing to the unwavering loyalty of PKNS' personnel, PKNS has progressed significantly in achieving its vast experiences and great success. With that, I would like to express my sincere gratitude from the bottom of my heart and congratulate everyone ranging from the Management, Division Heads, Senior Officers and all PKNS' personnel for their devoted sacrifices and relentless efforts the remarkable excellence of PKNS. Hopefully, in line with PKNS' primary objectives, PKNS' success will continue to rise progressively, thus realising the mission and vision of our organisation.

# Laporan Ketua Pegawai Eksekutif

## Chief Executive Officer's Review

Lembaran tahun 2017 menjadi satu lagi lipatan sejarah abadi buat PKNS bila mana pelbagai peristiwa yang berlaku sepanjang tahun. Antara peristiwa penting yang meresap ke dalam ingatan setiap anggota pastinya perasmian Bangunan Ibu Pejabat PKNS yang baharu.

Bermula pada bulan Februari 2017, PKNS telah beroperasi sepenuhnya di Bangunan Ibu Pejabat di Seksyen 14, Shah Alam. Bangunan ini telah menjadi satu mercu tanda baharu dengan mengetengahkan konsep *Green Building* dilengkapi dengan pelbagai ciri pintar dan inisiatif hijau.

Pembinaan bangunan ini menjadi satu lambang kepada pengukuhan PKNS sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) terbaik di Malaysia. PKNS juga sangat berbangga apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah berkenan untuk menyempurnakan perasmian Bangunan Ibu Pejabat PKNS pada 1 Ogos 2017 bersempena dengan ulangtahun PKNS yang ke-53.

### PRESTASI JUALAN HARTANAH PKNS

PKNS masih utuh dengan teras perniagaan dalam industri hartanah dan hampir 70% pendapatan PKNS disumbang oleh pendapatan operasi iaitu jualan bangunan, pajakan tanah dan penswastaaan.

Sebanyak sembilan projek daripada 12 projek yang disasarkan telah berjaya dilancarkan sepanjang tahun 2017. Manakala, bagi rekod

kutipan jualan hartanah keseluruhan mengikut wilayah dari 1 Januari sehingga 31 Disember, Wilayah Tengah mencatatkan jumlah keseluruhan hasil kutipan sebanyak RM72.33 juta, Wilayah Utara sebanyak RM96.25 juta dan Wilayah Selatan sebanyak RM19.1 juta.

Rekod kutipan ini menjadikan jumlah kutipan keseluruhan untuk tahun 2017 bagi ketiga-tiga wilayah adalah sebanyak RM187.7 juta. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak RM6.22 juta jika dibandingkan dengan jumlah kutipan keseluruhan pada tahun 2016 dan pastinya keadaan ekonomi yang tidak menentu serta pasaran hartanah yang agak perlahan menjadi faktor penyumbang kepada penurunan ini.

Baki stok hartanah PKNS pula sehingga 31 Disember 2017 adalah sebanyak 1,110 unit dengan nilai jualan RM774.4 juta. Mungkin angka baki ini agak tinggi, namun PKNS optimis dengan strategi pemasaran, pakej-pakej promosi dan insentif jualan menarik yang sedang ditambah baik untuk tahun 2018 mendatang akan dapat membantu PKNS melonjakkan jualan hartanah PKNS.

### PRESTASI KEWANGAN PKNS

Walaupun dalam keadaan ketidakstabilan ekonomi negara yang membawa impak besar kepada pelbagai industri, PKNS terus kukuh dalam merekodkan prestasi kewangan yang agak cemerlang sepanjang tahun 2017.

Pendapatan dicatatkan berjumlah RM624.4 juta pada tahun 2017, berbanding RM825.9 juta pada tahun 2016. Keuntungan yang diterima pada tahun 2017 adalah hasil daripada keuntungan pendapatan operasi PKNS menerusi jualan bangunan, jualan tanah dan penswastaaan, di samping penerimaan dividen daripada syarikat bersekutu PKNS. Variasi strategi yang baru sedang dirangka bagi memastikan PKNS dapat melonjakkan keuntungan menerusi pendapatan operasi pada tahun akan datang.

### SELANGOR CYBER VALLEY STRATEGI LUBUK PENDAPATAN

Sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan dan memperluas cabang perniagaan, PKNS mendukung aspirasi Kerajaan Negeri Selangor bagi membangunkan sebuah Bandar Pintar (*Smart City*) di Selangor Cyber Valley (SCV).

Pusat pertumbuhan baharu berkonsepkan Bandar Pintar Hijau dengan keluasan 1,229.03 ekar dan terletak berhampiran Cyberjaya bakal menjadi pusat tumpuan para pelabur lokal dan global.





Sebagai langkah untuk meningkatkan pendapatan dan memperluas cabang perniagaan, PKNS mendukung aspirasi Kerajaan Negeri Selangor bagi membangunkan sebuah Bandar Pintar (*Smart City*) di Selangor Cyber Valley (SCV).

*PKNS supports the aspiration of the Selangor State Government to develop a Smart City (Smart City) in the Selangor Cyber Valley (SCV), as a step towards increasing revenue and expanding our business ventures.*

SCV merupakan pembangunan bercampur merangkumi kediaman, taman industri, pusat komersial dan institusi pendidikan, dilengkapi saluran rangkaian kabel gentian optik berkelajuan tinggi selain peranti pengesanan alam sekitar bagi tujuan indikasi kualiti udara selain kemudahan awam.

Projek dengan nilai pembangunan kasar RM16.9 bilion ini menerapkan lapan elemen bandar pintar iaitu Bandar Selamat, Bandar Mesra Perniagaan, Bandar Efisyen, Bandar Pendidikan, Bandar Hijau, Bandar Inovasi, Bandar Komuniti Pintar dan Premis Pintar.

Projek ini yang dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2027 akan menjadi 'game changer' kepada lanskap ekonomi Selangor secara keseluruhannya dan sekaligus bakal membawa nama PKNS gah setanding dengan pemaju antarabangsa.

#### **TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) PKNS**

Dalam kesibukan memacu pembangunan fizikal negeri Selangor, PKNS juga sentiasa komited dalam membantu pembangunan secara holistik dari aspek modal insan dan sosial masyarakat. PKNS sebagai agensi yang prihatin meletakkan pelanggan kami yang juga rakyat negeri sebagai tunggak utama dalam setiap pembangunan.

Pembangunan komuniti menjadi asas kepada kelestarian sesuatu pusat pertumbuhan. Menyedari faktor modal insan ini, PKNS sentiasa berusaha untuk membantu berkongsi hasil keuntungan kembali semula kepada masyarakat melalui pengagihan wang zakat dan rangkaian inisiatif CSR.

Bagi tahun 2017, PKNS telah memperuntukkan sebanyak RM1.4 juta untuk diagihkan semula kepada masyarakat setempat melalui program-program yang telah dilaksanakan, antaranya program baik pulih rumah, program pembangunan muallaf, sumbangan kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia dan sebagainya.

PKNS juga menyediakan platform perniagaan buat golongan asnaf dengan kerjasama TERAS dan Hijrah Selangor melalui penganjuran Program Kasih PKNS Merakyatkan Ekonomi Selangor yang diadakan di Kompleks PKNS Shah Alam. PKNS percaya selain tujuan utama untuk mendapatkan keberkatan di dalam setiap perniagaan dan keuntungan program sebegini secara langsung dapat mewujudkan hubungan baik antara PKNS dengan masyarakat dan agensi kerajaan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat di bawah Program CSR PKNS.

#### **BERSAMA MENGHADAPI CABARAN MENDATANG**

PKNS akan terus mendepani cabaran mendatang yang mungkin akan menjadi lebih mencabar dengan senario ekonomi dan pertumbuhan pasaran hartanah yang dijangka akan kekal perlahan. Namun begitu, saya meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada warga kerja PKNS untuk melakukan yang terbaik dan melipatgandakan usaha dalam memangkin kemajuan PKNS.

Dengan budaya kerja berintegriti, komitmen yang jitu dan disulam dengan Nilai-Nilai Bersama PKNS, pastinya PKNS dapat dipacu ke aras yang lebih tinggi. Terima kasih yang tidak terhingga buat semua warga kerja PKNS yang menjadi teras sistem sokongan atas sinergi berpasukan mantap sehingga dapat membawa kejayaan demi kejayaan buat PKNS.

*The year 2017 saw how PKNS continuously evolved, by venturing into many significant events, thus creating impactful, historical events along the way. This also included the launching of the new, corporate PKNS Headquarters Building, thus marking another significant milestone for PKNS.*

*PKNS fully operates from its Headquarters Building in Section 14, Shah Alam, effective last February. The building, is the new landmark in Shah Alam, which incorporates the concept of environmental -friendly, Green Building with various smart features and green initiatives.*

*The construction of this building serves as symbol of strength for PKNS, highlighting PKNS as the best State Economic Development Corporation (PEN) in Malaysia. PKNS highly appreciates that His Royal Highness the Sultan of Selangor has agreed to grace the inauguration of PKNS Headquarters Building on August 1, 2017 which was in conjunction with the 53<sup>rd</sup> anniversary of PKNS.*

#### **SALES PERFORMANCE OF PKNS PROPERTY**

*PKNS, strongly operates its core business of the property industry, of which nearly 70% of PKNS' income is contributed by income generated from operations, like sales of buildings, land lease and privatisation.*

*Throughout the year 2017, a total of nine projects out of 12 targeted projects were successfully launched. Meanwhile, in terms of the recorded total sales of property based on regions from January 1 till December 31, Central Region has recorded a total revenue of RM72.33 million, followed by Northern Region of RM96.25 million and South Region of RM19.1 million.*

The total collection for these three regions was recorded at RM187.7 million, for the year 2017. This figure showed a decline of RM6.22 million, compared to the total collection in 2016, owing to the contributing factors of uncertain economic situation as well as the sluggish property market.

As at December 31, 2017 the balance of PKNS's property stocks stood at 1,110 units with a sales value of RM774.4 million. Perhaps this balance is perceived to be quite high, but PKNS is optimistic that the improvised marketing strategies, promotional packages and attractive sales incentives for the upcoming year of 2018 would aid in boosting the sales of PKNS' real estate.

#### **FINANCIAL PERFORMANCE OF PKNS**

Despite the economic instability of the country which had impacted various industries, PKNS remained steadfast in recording outstanding performance throughout the year 2017.

The year of 2017 saw PKNS' continued success in recording a solid financial performance throughout the year, despite the country's economic uncertainty, which had impacted various industries. Revenue was recorded at RM624.4 million in 2017, compared to RM825.9 million in 2016. Profit received in 2017 was contributed by PKNS' operating earnings gained through sales of buildings, sales of land, privatisation and also through the dividends received from the associated companies of PKNS. A variety of new strategies are being developed to ensure that PKNS can boost profits through revenue operations in the coming year.

#### **SELANGOR CYBER VALLEY: THE GOLDMINE STRATEGY**

PKNS supports the aspiration of the Selangor State Government to develop a Smart City (Smart City) in

the Selangor Cyber Valley (SCV), as a step towards increasing revenue and expanding our business ventures. Strategically located near Cyberjaya, this new growth centre which covers an area 1,229.03 acres, features a smart green city concept, is expected to be the investment attraction of local and global investors.

SCV is a mixed development encompassing residential units, industrial parks, commercial centres and educational institutions, that is equipped with high speed fiber optic cable networks, also provides environmental detection devices for the purpose of indicating air quality as well as public amenities.

This RM16.9 billion gross development project embraces eight smart city elements of safe city, business-friendly, efficient city, education city, green city, city of innovation, smart community city and smart premises.

Expected to be completed by 2027, this project would be a game changer to the overall scenario of Selangor's economy and would place PKNS on par with other international developers.

#### **CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) OF PKNS**

PKNS is also committed to helping holistic development in terms of human and social capital as part of the efforts to intensify the physical development of Selangor. Being a caring agency, PKNS always places our customers, who are also the state citizens, as the main drivers of every development.

Basically, the sustainability of a growth centre, is very much dependable on community development, which makes community development, a basis of sustainability. Recognising this as a human capital factor, PKNS always strives to give back to the

community, through the distribution of zakat money and the network of CSR initiatives.

PKNS has allocated a sum of RM1.4 million to redistribute to local communities through implemented programmes, which also included the home improvement programmes, muallaf development programmes, donations to the Malaysian Medical Welfare Fund and others, for the year of 2017.

PKNS had collaborated with TERAS and Hijrah Selangor, to provide a business platform for the asnaf group, through the organising of "PKNS Merakyatkan Ekonomi Kasih" Programme, which was held at Kompleks PKNS Shah Alam. We believe that apart from gaining the blessings in our business and profits, it also directly, establishes a great relationship between PKNS with the public and government agencies or non-governmental organisations (NGOs), which are involved under the PKNS CSR Programme.

#### **MEETING UPCOMING CHALLENGES WITH THE SPIRIT OF TOGETHERNESS**

The coming year may be more challenging, owing to the expected slowdown of the economic scenario and the uncertain growth of the real estate market. However, I place my utmost trust in PKNS' employees to do their best and to double their efforts, in order to effectuate PKNS' progress.

By embracing a high-performance work culture of integrity, driven by continuous commitment and the Shared Values of PKNS, I am very certain that these practising traits would further drive the economic growth of PKNS. I wish to record my immense gratitude to all PKNS employees, a great team synergy and also our core support system, for PKNS' accomplished success.

# Sistem Skor Prestasi PKNS dan Anak Syarikat

## Performance Scoring System of PKNS and Subsidiaries

PKNS telah mewujudkan dan melaksanakan sistem skor prestasi bermula pada tahun 2015, selari dengan kewujudan Pelan Perancangan Strategik PKNS Lima (5) tahun bagi penggal 2015 – 2019. Sistem skor prestasi ini bertujuan untuk memantau dan menilai prestasi pencapaian PKNS dan anak syarikat PKNS, secara sistematik dan berkala berdasarkan kepada perancangan strategik yang dibentuk, melalui KPI yang diperturunkan kepada bahagian-bahagian yang terlibat.

Pencapaian prestasi semasa dan KPI di peringkat PKNS, mahupun anak syarikat dapat dinilai dan diurus tadbir dengan lebih sistematik melalui pencapaian skor yang diperolehi daripada laporan bulanan KPI yang dihantar oleh setiap bahagian di PKNS. Skor yang diperolehi daripada laporan bulanan ini, yang akan membentuk Skor Utama bagi pencapaian keseluruhan PKNS.

Secara keseluruhannya, pencapaian prestasi PKNS 2017 menunjukkan pencapaian skor prestasi pada kedudukan sederhana dan memuaskan, iaitu pada kedudukan 2.86 berbanding tahun 2016 yang mencapai prestasi skor 2.89.

Kegagalan mencapai KPI utama yang melibatkan pembinaan projek dan penjualan projek-projek hartanah sehingga akhir tahun, secara langsung telah menyumbang kepada penurunan prestasi ini.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2018, PKNS dijangka akan mencapai sasaran skor yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi PKNS, iaitu sasaran skor melebihi 4.0, kesan daripada beberapa strategi penambahbaikan terhadap perancangan pembangunan dan jualan projek-projek PKNS.

*PKNS has crafted and implemented a performance scoring system since 2015, in line with the Five (5) year PKNS Strategic Planning Plan of 2015-2019. This performance scorecard is based on the strategically planned KPIs, which is aimed to monitor and evaluate the performance of PKNS and its subsidiaries, systematically and periodically.*

*The current performance and KPIs of PKNS and its subsidiaries, are more systematically evaluated and managed through the monthly submission of the KPIs reports by each division of PKNS. The achievement is measured based on the accumulated scores obtained from these monthly reports, thus forming the Main Score for the achievement of the entire PKNS.*

*In 2017, PKNS achieved a moderate and satisfying overall performance score of 2.86, as compared to 2016 which achieved an overall score of 2.89. The decline in performance was directly contributed by the failure to*

*achieve the key KPIs in relation to the construction of projects and the sale of real estate projects until the end of the year.*

*However, in 2018, PKNS is expected to achieve the target score of more than 4.0, which is set by the PKNS Supreme Management, owing to some improvement of strategies on development and sales planning of PKNS projects.*


Skor Prestasi pada 2016 & 2017  
Performance Score in 2016 & 2017



# Pusat Pertumbuhan Baharu

## New Growth Centres

**Pusat Pertumbuhan Baharu yang telah dibangunkan oleh PKNS**  
*New Growth Centres developed by PKNS*



